



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (29 DISEMBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini terdapat **empat (4) kes** positif COVID-19 yang dikesan di Daerah Kuching (2), Sibu (1) dan Betong (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,114 kes.**

#### **A. Kes Baharu COVID-19**

##### **I. Daerah Betong: Saringan Individu Balik Dari Semenanjung Malaysia: (1 Kes Import-B)**

**Kes 1,111** merupakan seorang wanita warga tempatan (Sarawak) yang baru balik dari Johor menaiki penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor ke Lapangan Terbang Sibu, Sarawak pada 26 Disember 2020.

Semasa tiba di Lapangan Terbang Sibu, Sarawak pada 26 Disember 2020, kes telah menjalani saringan COVID-19 dan ujian rT-PCR kes didapati positif pada 28 Disember 2020.

Kes ini bersama sembilan (9) ahli keluarga yang lain telah di beri arahan kuarantin di rumah selama 14 hari di Betong dan dipakaikan gelang.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala jangkitan dan telah dirujuk di Hospital Sibu untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B yang telah mendapat jangkitan semasa berada di Johor. Pengesahan kontak rapat kepada kes ini sedang giat diljalankan.

## **II. Daerah Sibu: Saringan Individu Balik Dari Semenanjung Malaysia: (1 Kes Import-B)**

**Kes 1,112** merupakan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang baru balik dari Kuala Lumpur menggunakan penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA-1) ke Lapangan Terbang Sibu pada 27 Disember 2020.

Setibanya di Lapangan Terbang Sibu, kes telah menjalani saringan rT-PCR dan didapati positif pada 29 Disember 2020. Kes ini juga telah di beri arahan kuarantin di rumah dan dipakaikan gelang.

Kes tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala jangkitan dan telah dirujuk di Hospital Sibu untuk rawatan lanjut.

Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesahan kontak kepada kes ini juga sedang dilakukan. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B yang telah mendapat jangkitan semasa berada di Johor.

### **III. Daerah Kuching: Saringan Individu Balik Dari Luar Negara: (1 Kes Import-A)**

**Kes 1,113** merupakan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang balik pada 22 Disember 2020 dari Liberia, Afrika ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebelum tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak pada 26 Disember 2020.

Kes pernah menjalani ujian rt-PCR semasa berada di Liberia sebanyak empat (4) kali sebelum balik ke Malaysia. Kali terakhir menjalani saringan COVID-19 di Liberia ialah pada 20 Disember 2020 dan didapati negatif. Kes juga telah menjalani ujian RTK Antigen semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 24 Disember 2020 dan didapati tidak reaktif untuk COVID-19. Sebelum meneruskan perjalanan ke Kuching, kes telah bermalam di bilik perlepasan di KLIA-1 selama dua (2) malam dan hanya berada di perkarangan KLIA-1 sahaja.

Semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA) pada 26 Disember 2020, kes telah menjalani saringan rT-PCR dan didapati positif pada 28 Disember 2020. Kes juga telah diarahkan untuk menjalani kuarantin wajib 10 hari di pusat kuarantin dan baki 4 hari di rumah.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala jangkitan dan telah dirujuk di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import A yang telah mendapat jangkitan semasa berada di Liberia.

#### **IV. Daerah Kuching: Saringan Individu Balik Dari Semenanjung Malaysia: (1 Kes Import-B)**

Kes 1,114 merupakan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang baru balik dari Johor menaiki penerbangan dari Lapangan Antarabangsa Senai, Johor ke Lapangan Antarabangsa Kuching (KIA), Sarawak pada 27 Disember 2020.

Semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA), Sarawak pada 25 Disember 2020, kes telah telah menjalani saringan rT-PCR dan didapati positif pada 28 Disember 2020. Kes juga telah diarahkan untuk menjalani kuarantin wajib 10 hari di pusat kuarantin dan baki empat (4) hari di rumah.

Kes tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala jangkitan dan telah dirujuk di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B yang telah mendapat jangkitan semasa berada di Johor. Pengesahan kontak rapat kepada kes ini sedang giat diljalankan.

## **B. STATUS KES COVID-19 DI DALAM WAD PENGASINGAN HOSPITAL.**

**Terdapat dua (2)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini dari Hospital Umum Sarawak (1) dan Hospital Miri (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj telah meningkat kepada **1,064** orang atau **95.51%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasangkan di hospital adalah seramai **29** orang iaitu:

- Empat belas (14) kes di Hospital Umum Sarawak;
- Lima (5) kes di Hospital Miri;
- Lima (5) kes di Hospital Bintulu; dan
- Lima (5) kes di Hospital Sibu.

Hari ini, **empat (4) PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

### **C. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak**

Hari ini, **Daerah Kuching, Sibu, Bintulu dan Lawas** kekal **berstatus Kuning** dengan jumlah keseluruhan lima (5) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu Sibu (2), Kuching (1), Bintulu (1) dan Lawas (1). Manakala 36 daerah lain kekal berstatus hijau.

### **2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan **satu (1) kompaun** di Daerah Kuching kerana telah melanggar SOP.

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **87 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu SMC (24), DBKU (23), MPP (18), MD Marudi (8), MPKS (7), MBKS (3), BDA (3) dan MD Serian (1).

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**  
**29 DISEMBER 2020**  
**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Cumm. Positive Cases	1110	Total Cases still in ward	29	2.60%
New Cases	4	Cases in Intensive Care Unit (ICU)	0	0.00%
Total Samples by Individu	210,568	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	1114	Total Death Cases	19	1.71%
IR per 100,000 population	36.11	Recovered and discharged cases	1,064	95.51%
Lab. Results (PUI)	New	Patient Under Investigation (PUI)	New	Cummulative
Negative	0		4	11,108
Pending Result	0		0	

Current Status		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward		14	5	5	5	0	29
Kes di Intensive Care Unit (ICU)		0	0	0	0	0	0
Intubated cases		0	0	0	0	0	0
Total Death Cases		17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	1	0	0	1	0	2
	Cummulative	885	43	50	80	2	1060
Total re-admission cases (Re-tested Positive)		9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (4)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	0	30	0	12	0	11	0	0	1	1	1
2	Bintulu	0	334	0	55	0	50	0	0	5	5	1
3	Sibu	1	133	1	27	0	23	0	0	4	8	2
4	Kuching	2	7,522	2	731	1	709	0	12	10	12	1
Jumlah		3	8019	3	825	1	793	0	12	20	26	5

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	337	0	27	0	27	0	0	0	0	0
2	Miri	0	917	0	63	1	58	0	1	4	5	0
3	Lundu	0	262	0	8	0	7	0	0	1	1	0
4	Limbang	0	35	0	13	0	12	0	1	0	0	0
5	Samarahan	0	609	0	116	0	112	0	4	0	0	0
6	Lubok Antu	0	29	0	4	0	3	0	0	1	1	0
7	Bau	0	189	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	9	0	4	0	3	0	0	1	1	0
11	Asajaya	0	46	0	7	0	5	0	0	2	2	0
12	Sri Aman	0	57	0	5	0	3	0	1	1	1	0
13	Betong	1	191	1	17	0	16	0	0	1	1	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	93	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>	<b>3,089</b>	<b>1</b>	<b>289</b>	<b>1</b>	<b>271</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>11</b>	<b>12</b>	<b>0</b>

Jumlah Besar	4	11,108	4	1,114	2	1,064	0	19	31	38	5
--------------	---	--------	---	-------	---	-------	---	----	----	----	---

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **271 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **42 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **3,592 orang**. Manakala seramai **45,811 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 29.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (2,208)</b>	Hock Lee	64
2		Grand Dormani	0
3		Kuching Park	92
4		Pullman	357
5		Hilton	265
6		Harbour View	244
7		Riverside (Astana Wing)	169
8		Grand Margherita	254
9		Imperial Boulevard	232
10		Tune Hotel	84
11		Dormani Hotel	11
12		Grand Continental	141
13		Meritin	49
14		Longhouse	97
15		Abell	60
16		Lot 10	27
17		Telang Usan	47
18		Imperial Riverbank	15
19	<b>Miri (797)</b>	Mega Hotel	114
20		Somerset	35
21		Imperial Palace	146
22		Eastwood Valley	60
23		Imperial New Wing	47
24		Paragon	57
25		Meritz	164
26		Miri	12
27		Dynasty	112
28		Kenyalang Suite	15
29		Citi Hotel	23
30		Nova	12
31	<b>Bintulu (287)</b>	Wasan Inn	36
32		Fairfield by Marriot	119
33		Kidurong Inn	51
34		Motel Kapok	33
35		Faber Inn	25
36		AA Inn	23
37	<b>Limbang (102)</b>	Purnama	15
38		Seri Malaysia (Lawas)	72
39		Mandarin (Lawas)	15
40	<b>Sibu (42)</b>	Premier	42
41	<b>Samarahan (156)</b>	INFRA	76
42		Kolej Rafflesia, UNIMAS	80
		<b>Jumlah PUS</b>	<b>3,592</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **empat (2) lokasi di Kuching (1), Serian (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,118 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 29.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>2</b>	<b>711</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>436</b>
3	Sibu	TIADA	201
4	Samarahan	TIADA	139
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	120
7	Limbang	TIADA	98
<b>8</b>	<b>Serian</b>	<b>1</b>	<b>72</b>
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,118</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **56 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 29.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	DBKU	7
2	MP PADAWAN	3
3	MD Serian	3
4	MP Sibu	9
5	MCC	13
6	MD Marudi	5
7	MD Limbang	2
8	MD Lawas	14
<b>Jumlah</b>		<b>56</b>